

Perjuangan Politik PAS dan Prestasi dalam Pilihan Raya Umum 1959 di Singapura

PAS's Political Struggle and Performance in the 1959 General Election in Singapore

Muhammad Naim Fakhirin Rezani*

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21030 Kuala Terengganu, MALAYSIA

Abstrak

Makalah ini menelusuri perjuangan politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam konteks Pilihan Raya Umum 1959 di Singapura, iaitu satu episod penting yang mencerminkan usaha perluasan pengaruh politik Islam di luar Tanah Melayu. Sebagai sebuah parti yang berteraskan ideologi Islam dan nasionalisme Melayu, PAS menyasarkan kawasan majoriti Melayu seperti Geylang Serai, Kampong Kembangan dan Siglap sebagai medan pengukuhan sokongan politik. Penglibatan PAS dalam pilihan raya ini bukan sahaja memperlihatkan cita-cita politik merentas sempadan, malah turut mencerminkan dinamika dan cabaran politik masyarakat Melayu di Singapura pascakolonial. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan memanfaatkan sumber primer daripada Arkib Nasional British dan Arkib Nasional of Singapura, di samping rujukan akhbar kontemporari seperti *The Straits Times*, *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* bagi menelusuri strategi kempen, pemilihan calon dan naratif politik yang dibawa oleh PAS. Dapatan kajian memperincikan bentuk perjuangan politik PAS, tahap penerimaan masyarakat Melayu tempatan, serta faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi parti tersebut dalam pilihan raya. Kajian ini memberi sumbangan penting terhadap wacana politik serantau dengan mengetengahkan peranan PAS sebagai aktor politik rentas sempadan yang berusaha menyesuaikan ideologinya dalam konteks sosiopolitik Singapura. Secara keseluruhan, makalah ini memperluaskan pemahaman tentang interaksi politik antara Tanah Melayu dan Singapura serta menyumbang kepada historiografi perkembangan awal politik Islam di Asia Tenggara.

Kata kunci: PAS; Pilihan Raya 1959; Singapura; Politik Melayu; Politik Islam; Politik Rentas Sempadan

Abstract

*This article explores the political struggle of the Pan-Malayan Islamic Party (PAS) in the context of the 1959 General Election in Singapore, a pivotal moment that reflects efforts to expand Islamic political influence beyond the borders of Malaya. As a party rooted in Islamic ideology and Malay nationalism, PAS targeted Malay-majority constituencies such as Geylang Serai, Kampong Kembangan, and Siglap as platforms to strengthen its political presence. PAS's participation in the election not only illustrates its transboundary political ambitions but also highlights the dynamics and challenges faced by the Malay community in postcolonial Singapore. This research adopts a historical approach by utilising primary sources from the British National Archives and the National Archives of Singapore, supported by contemporary newspapers such as *The Straits Times*, *Berita Harian* and *Utusan Melayu*. These sources are employed to trace PAS's campaign strategies, candidate selections, and the political narratives advanced in the local context. The findings of the study detail the form of political struggle adopted by PAS, the extent of the Malay community's reception toward the party, and the key factors that influenced its electoral performance. Ultimately, this article contributes significantly to regional political discourse by highlighting PAS's role as a transnational political actor attempting to adapt its ideology within Singapore's sociopolitical landscape. It*

broadens the understanding of political interaction between Malaya and Singapore and offers fresh insight into the early development of Islamic politics in Southeast Asia.

Keywords: PAS; 1959 General Election; Singapore; Malay Politics; Islamic Politics; Transnational Politics.

Pengenalan

Perkembangan politik Singapura pada 1950-an memperlihatkan berlakunya perubahan terhadap proses demokrasi negara itu. Perubahan yang dilakukan adalah melibatkan sistem pilihan raya yang dilaksanakan di negara ini. Pada 1955, British melakukan rombakan terhadap sistem pilihan raya di Singapura dengan meningkatkan jumlah kerusi yang dipertandingkan iaitu dari sembilan kerusi pada Pilihan Raya Umum Singapura 1951 (PRU 1951) kerusi kepada 25 kerusi pada Pilihan Raya Umum Singapura 1955.¹ Perkara ini dilakukan selaras dengan hasrat pemimpin politik Singapura, Tan Chye Cheng dari Parti Progresif yang menuntut supaya seluruh kawasan di Singapura perlu mempunyai wakil rakyat.² Justeru itu, usaha untuk melibatkan keseluruhan kawasan di Singapura dalam pilihan raya ini dilakukan secara berperingkat. Pada Pilihan Raya Umum Singapura 1959 (PRU 1959), jumlah kerusi yang dipertandingkan ini bertambah kepada 51 kerusi.³ Peningkatan kerusi yang dipertandingkan ini menyebabkan landskap politik Singapura berubah kerana persaingan politik yang berlaku semakin dinamik.

Kedinamikan politik Singapura ini dapat dilihat berdasarkan kepada persaingan politik yang berlaku di negara ini semakin terbuka. Situasi ini disebabkan oleh penyertaan dari pelbagai parti untuk bertanding dalam pilihan raya yang diadakan di negara ini, terutamanya parti yang berpangkalan di Tanah Melayu.⁴ Perkara ini secara tidak langsung menjadikan politik Singapura sebagai politik yang tidak terhad berdasarkan kepada peranan dari parti tempatan semata-mata. Antara parti politik dari Tanah Melayu yang mencuri tumpuan sepanjang penglibatan dalam pilihan raya Singapura pada peringkat awal ini adalah Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS). Ironinya, penglibatan PAS dalam politik dan pilihan raya di Singapura ini mengejutkan pesaing politik di negara ini kerana kekuatan sokongan pada 1950-an PAS hanya di Pantai Timur dan serta sesetengah kawasan di Utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Gunung Semanggol dan Padang Rengas, Perak.⁵ Justeru itu, penglibatan PAS dalam politik Singapura ini secara tidak langsung menjadi tanda aras perjuangan PAS terhadap perkembangan politik negara ini dalam tempoh 1950-an, terutamanya dalam konteks Pilihan Raya Umum 1959.

Kajian Literatur

Sungguhpun telah banyak kajian politik yang ditulis oleh sarjana terdahulu berkenaan dengan politik Singapura, namun kajian mengenai penglibatan PAS dalam konteks politik dan pilihan raya di negara ini masih longgar. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung memberikan tumpuan kepada perkembangan parti-parti politik utama di Singapura seperti Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party*/PAP) dan pesaing utamanya, *Singapore People's Alliance* (SPA). Walau bagaimanapun, perbincangan yang diketengahkan lazimnya bersifat naratif dan umum, tanpa meneliti secara mendalam aspek penglibatan parti-parti politik dari Semenanjung Tanah Melayu dalam konteks politik dan pilihan raya di Singapura. Sebagai contoh, kajian oleh Kim Wah Yeo (1973) hanya membincangkan dinamika politik Singapura secara menyeluruh tanpa memperincikan pengaruh dan penyertaan parti-parti luar, khususnya dari Tanah Melayu.

Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Hussin Mutalib yang turut menumpukan kepada perkembangan PAP dalam bentuk naratif, termasuk faktor-faktor yang menyumbang kepada penguasaan parti tersebut dalam landskap politik Singapura.⁶ Namun begitu, kedua-dua kajian ini tidak memberikan perhatian khusus terhadap penyertaan dan persaingan parti dari Tanah Melayu dalam Pilihan Raya Umum 1959 Singapura, yang merupakan elemen penting dalam memahami dimensi silang politik serantau ketika itu.

Begitu juga dengan kajian oleh Jayakumar yang meneliti perkembangan politik Singapura dalam tempoh 1955 hingga 1990. Fokus utama kajian ini adalah terhadap prestasi Parti Tindakan Rakyat (PAP), khususnya sejak penyertaan awalnya dalam Pilihan Raya 1955 dan seterusnya hingga era dominasi politik parti tersebut.⁷ Walaupun kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang transformasi politik Singapura, ia masih berlegar dalam kerangka analisis yang bersifat unilateral, iaitu dengan memberi penekanan hampir sepenuhnya kepada PAP. Dalam hal ini, Jayakumar tidak memperincikan aspek persaingan politik yang lebih luas, khususnya penglibatan parti-parti dari Semenanjung Tanah Melayu yang menyertai pilihan raya umum di Singapura. Ketiadaan perbincangan tentang elemen silang wilayah ini menunjukkan bahawa terdapat jurang dalam wacana sejarah politik Singapura yang memerlukan penilaian semula, terutama dalam konteks tahun-tahun kritikal seperti 1959 yang menyaksikan pelbagai parti luar turut bertanding dan memberi cabaran kepada dominasi PAP.

Kajian mengenai politik masyarakat Islam di Singapura ditulis oleh beberapa sarjana seperti dan Tschacher dan Abdullah. Kajian oleh Tschacher misalnya menyatakan gerakan politik Islam di Singapura bermula pada awal 1950-an setelah British mengadakan pilihan raya di negara ini.⁸ Namun begitu, aspek perbincangan yang dilakukan adalah secara umum iaitu hanya membincangkan prestasi parti yang memperjuangkan masyarakat Melayu di Singapura seperti Kesatuan Melayu Singapura (KMS) dan UMNO pada pilihan raya 1950-an. Oleh itu kajian ini tidak melihat konteks politik Islam di negara ini secara keseluruhan seperti persaingan yang berlaku, isu yang diperjuangkan dan kempen yang dilakukan oleh parti Melayu dan Islam ini. Manakala kajian oleh Abdullah pula hanya membincangkan perjuangan politik Islam di Singapura melalui tindakan yang dilakukan oleh calon-calon berbangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP.⁹ Walaupun begitu, perbincangan yang dilakukan adalah secara umum iaitu hanya melibatkan prestasi dan tindakan masyarakat Melayu yang bertanding sebagai calon.

Dapatan kajian oleh Farish¹⁰ dan Wan Saiful¹¹ memperlihatkan kelainan berbanding kajian-kajian terdahulu kerana kedua-duanya menumpukan perhatian terhadap perkembangan PAS sebagai aktor politik yang penting dalam sejarah politik Malaysia. Namun begitu, kedua-dua kajian ini lebih menekankan aspek ideologi dan isu-isu yang diperjuangkan oleh PAS, tanpa menelusuri secara mendalam strategi dan gerakan politik parti tersebut pada peringkat awal penubuhannya, khususnya dalam dekad 1950-an. Hal ini menyebabkan penglibatan PAS dalam arena politik luar Tanah Melayu, termasuk penyertaannya dalam Pilihan Raya Umum Singapura 1959, tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, meskipun kajian-kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang prinsip dan agenda PAS, ia masih belum mengisi kelompongan penting dalam wacana sejarah politik serantau, iaitu tentang bagaimana dan mengapa PAS memilih untuk meluaskan pengaruhnya ke Singapura pada era pascakolonial.

Berdasarkan penelitian terhadap karya-karya sarjana terdahulu, didapati bahawa penglibatan PAS dalam politik Singapura, khususnya dalam konteks pilihan raya pada dekad 1950-an masih kurang diberikan perhatian secara menyeluruh dalam wacana akademik. Sekalipun terdapat kajian yang menyentuh isu ini, perbincangan yang diketengahkan lazimnya

bersifat umum dan tidak mengupas dengan mendalam aspek perjuangan ideologi, strategi kempen, serta prestasi pilihan raya PAS dalam konteks politik tempatan Singapura. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan tersebut dengan memberikan tumpuan khusus terhadap gerakan politik PAS di Singapura sepanjang dekad 1950-an, dengan fokus utama kepada penyertaan dan pencapaian parti tersebut dalam Pilihan Raya Umum 1959. Penekanan terhadap dimensi perjuangan politik Islam dalam ruang politik pascakolonial Singapura diharap dapat memperkayakan lagi wacana sejarah politik serantau dan menampilkan naratif alternatif terhadap dominasi parti-parti arus perdana.

Metodologi

Kajian yang dilakukan berkenaan penglibatan PAS terhadap politik Singapura ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD) yang diperoleh daripada Singapore National Archive. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari National Archive, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan politik di Singapura pada 1950-an. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore mengandungi data yang melibatkan laporan British terhadap gerakan pemimpin politik tempatan seperti maklumat dan tempat kempen serta minit mesyuarat pejabat Gabenor. Laporan ini seterusnya diolah dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh dari laporan ELD. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar Singapura yang diperoleh dari Singapore National Archive seperti *Berita Harian*, *Utusan Melayu* dan *The Straits Times* bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi politik yang berlaku pada 1950-an.

Perkembangan dan Faktor Penglibatan PAS di Singapura

Perkembangan PAS di Singapura berkait rapat dengan sebuah lagi persatuan Islam di negara ini iaitu Angkatan Islam Singapura (ANGKASA). Persatuan ini ditubuhkan secara rasmi pada 6 Ogos 1958. Persatuan ini merupakan cabang kepada PAS dari Tanah Melayu dan bergiat aktif dalam politik Singapura pada penghujung 1950-an.¹² Penubuhan persatuan ini tidak menggunakan nama PAS di Singapura kerana ingin mengaburi pentadbiran British di Singapura yang melihat perjuangan PAS adalah radikal dan penentang terhadap kuasa kolonial tersebut.¹³

Pada 1948, pergerakan awal PAS, iaitu Hizbul Muslimin telah diharamkan oleh British di Tanah Melayu atas tuduhan menyemai semangat kebencian dan pemberontakan terhadap pentadbiran kolonial.¹⁴ Larangan ini menunjukkan perhatian British terhadap sebarang bentuk gerakan politik yang dilihat boleh mencabar kekuasaan mereka, terutamanya yang berteraskan Islam dan nasionalisme Melayu. Walau bagaimanapun, dakwaan tersebut dinafikan oleh Ketua Hizbul Muslimin, Abu Bakar al-Baqir, yang menegaskan bahawa tujuan utama parti tersebut adalah untuk memperjuangkan kesejahteraan umat Islam di Tanah Melayu, bukan untuk mencetuskan kekacauan atau pemberontakan bersenjata.¹⁵

Meskipun begitu, British tetap melihat Hizbul Muslimin sebagai satu gerakan yang radikal dan berpotensi dipengaruhi oleh fahaman komunis, apatah lagi dalam konteks

ketegangan politik pasca Perang Dunia Kedua dan kebangkitan komunisme di rantau ini. Justeru, pada tahun yang sama, kerajaan kolonial mengambil langkah drastik dengan mengharamkan Hizbul Muslimin secara rasmi.¹⁶ Susulan daripada pengharaman tersebut, para pemimpin dan pendukung Hizbul Muslimin mengambil pendekatan lebih berhati-hati dalam meneruskan perjuangan mereka. Antara strategi yang diambil ialah dengan menubuhkan cabang gerakan Islam tersebut di Singapura, namun menggunakan nama dan identiti yang berbeza. Langkah ini diambil sebagai usaha mengelakkan tindakan keras oleh pihak British yang masih berkuasa di pulau tersebut, sekali gus memastikan kesinambungan perjuangan Islam dalam ruang politik serantau.¹⁷

Sehubungan itu, perkembangan dan perjuangan PAS di Singapura bermula melalui persatuan ANGKASA. Segala gerak kerja yang dilakukan oleh PAS seperti keahlian, kempen dan ceramah pada peringkat awal dilakukan atas nama ANGKASA.¹⁸ Walaupun begitu, pengurusan dan matlamat perjuangan adalah berasaskan kepada model PAS di Tanah Melayu. Oleh itu, persatuan ANGKASA ini adalah cawangan PAS bagi Singapura, namun hanya berbeza pada nama.¹⁹ Melalui ANGKASA, PAS mengatur langkah dengan menubuhkan pusat kegiatan politiknya di Aljunied kerana kawasan ini merupakan majoriti penduduk beragama Islam. PAS Cawangan Aljunied ini memainkan peranan sebagai induk kepada cawangan lain di Singapura. Seterusnya, PAS Singapura berjaya membuka cawangan lain iaitu di Siglap dan Geylang Serai.²⁰ Pembukaan cawangan PAS pada peringkat awal ini membuktikan parti itu mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Selain itu, PAS turut berjaya mendapatkan sokongan dari kakangam masyarakat India Muslim. Berdasarkan perkara ini, jumlah ahli PAS pada peringkat awal adalah seramai 149 orang. Sehingga 1958, PAS berjaya merekrut seramai 227 orang ahli tetap.²¹ Oleh itu keberadaan PAS di Singapura ini tidak boleh dipandang rendah kerana berjaya mendapsakan ahli yang ramai dalam tempoh yang singkat.

Pembukaan PAS Cawangan Singapura ini didorong oleh faktor politik serumpun antara Singapura dan Tanah Melayu. Definisi politik serumpun adalah perkongsian budaya dan sosio ekonomi antara dua kawasan yang berbeza.²² Dalam tempoh 1950-an, identiti politik Singapura masih lagi mendapat asimilasi dari politik Tanah Melayu, teurtamanya dari Johor. Selain itu, politik pada 1950-an ini turut memperlihatkan tiada garis sempadan antarabangsa yang ditetapkan antara Singapura dan Tanah Melayu, sekali gus membolehkan rakyat antara kedua-dua negara ini berulang-alik tanpa sekatan.²³ Situasi ini secara tidak langsung mewujudkan perskongsian budaya dan sosioekonomi kedua-dua negara ini. Justeru itu, situasi yang berlaku di Tanah Melayu turut berlaku di Singapura. Berdasarkan kepada politik serumpun itu, PAS berusaha melebarkan pengaruh politik parti itu ke Singapura kerana berpendapat sokongan terhadap parti itu bukan sahaja di Tanah Melayu, tetapi turut melibatkan masyarakat Melayu dan Islam di Singapura.²⁴ Yang Dipertua Agung PAS, Dr. Burhanuddin al-Helmi menyatakan PAS berpotensi mendapatkan sokongan di Selatan Tanah Melayu melalui di Singapura.²⁵ Justeru itu, PAS merancang untuk melebarkan pengaruh di Selatan Tanah Melayu ini dengan menjadikan Singapura sebagai pengkalan politik parti itu. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan faktor politik serumpun memainkan peranan penting terhadap gerakan politik PAS di Singapura.

Selain itu, faktor penglibatan PAS terhadap politik di Singapura turut merangkumi tanggungjawab agama. Dasar pentadbiran British di Singapura memperlihatkan agama Islam tidak diberi penekanan sama ada untuk pendidikan atau kehidupan. Pentadbiran British lebih mengutamakan pendidikan untuk sekolah aliran inggeris berbanding agama Islam. Oleh itu sekolah islam hanya dibuka oleh masyarakat Islam secara individu dan hanya memberi kesan

terhadap masyarakat pada skala yang kecil sahaja. Kesemua masyarakat Islam yang ingin mempelajari agama Islam akan ke Johor, terutamanya Muar dan Pontian.²⁶ Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan perjaungan terhadap agama Islam tidak diberi keutamaan di Singapura. PAS melihat situasi yang berlaku ini menjadi ancaman terhadap masyarakat Islam di Singapura. Justeru itu, PAS mempunyai tanggapan bahawa menyebarkan dakwah dan ajaran agama itu perlu dilakukan melalui politik. Yang Dipertua Agung PAS, Dr. Burhanuddin al-Helmi menyatakan masyarakat Melayu di Singapura memerlukan PAS sebagai wadah untuk memperjuangkan agama Islam.²⁷ Berdasarkan kepada perkara itu, PAS berusaha untuk meluaskan pengaruh di negara ini.

Strategi PAS pada PRU 1959 di Singapura

PRU 1959 bermula setelah Dewan Perundangan dibubarkan secara rasmi pada 31 Mac 1959. Selepas hari penamaan calon berakhir, ELD mengumumkan seramai 137 calon yang bertanding untuk 51 kerusi yang dipertandingkan di Singapura pada PRU 1959.²⁸ Selain itu, ELD turut mengumumkan kerusi yang paling banyak melibatkan persaingan dari pelbagai parti adalah kerusi Kampong Kembangan yang melibatkan persaingan enam penjur. Seterusnya sebanyak enam kerusi yang melibatkan persaingan lima penjur iaitu Anson, Havelock, Joo Chiat, Changi, Mountbatten dan Serangoon Gardens.²⁹

Berdasarkan kepada persaingan tersebut, kerusi Kampong Kembangan memperlihatkan menjadi rebutan oleh parti yang berusaha meletakkan kedudukan dalam politik Singapura. Kerusi ini bukan sahaja menjadi idaman oleh parti tempatan, malah turut menjadi rebutan oleh parti dari Tanah Melayu iaitu UMNO dan PAS. Selain itu, faktor utama kerusi ini menjadi rebutan adalah kerana mempunyai pengundi Melayu paling ramai di Singapura, sekali gus menjadi signifikan terhadap politik komuniti Melayu di negara ini.³⁰ Justeru itu, PAP sendiri menyatakan, penguasaan Kampong Kembangan adalah seperti mengetuai masyarakat Melayu di negara ini. Berdasarkan kepada perkara tersebut, kerusi Kampong Kembangan ini menjadi rebutan oleh parti-parti yang bertanding. Oleh itu, PAS turut merancang strategi dan bertindak agar berjaya menang pada pilihan raya pertama ini. Antara strategi yang disusun oleh PAS bagi memenangi pilihan raya di kerusi kampong kembangan ini adalah melalui pemilihan kawasan bertanding, pemilihan calon dan isu tumpuan semasa kempen.

PRU pertama yang melibatkan PAS memperlihatkan sasaran parti itu adalah kerusi yang memiliki majoriti pengundi Melayu. Selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilakukan oleh ELD pada 1957, terdapat empat kerusi majoriti pengundi Melayu.³¹ Ukuran terhadap kerusi majoriti ini dilakukan berdasarkan kepada hanya penguasaan satu kaum membolehkan parti yang bertanding menang di kerusi tersebut.³² Berdasarkan persempadanan ini, empat kerusi tersebut adalah Changi, Geylang Serai, Kampong Kembangan dan Siglap. UMNO memilih untuk bertanding pada semua kerusi tersebut, termasuk satu kerusi campuran iaitu Pasir Panjang. Manakala PAS pula memilih untuk bertanding tiga kerusi iaitu Kampong Kembangan, Geylang Serai dan Siglap.³³ Keputusan PAS untuk bertanding di kerusi ini didorong oleh faktor pengkalan politik parti itu pada ketiga-tiga kerusi ini. Kedudukan tiga kerusi yang ditandingi oleh PAS ini bukan sahaja sebagai kawasan majoriti pengundi Melayu, malah menjadi tempat masyarakat Islam berkumpul.³⁴ Justeru, pengumpulan masyarakat Melayu ini membolehkan PAS menubuhkan cawangan parti itu di Kampong Kembangan, Geylang Serai dan Siglap. Oleh itu tiga kawasan ini menjadi signifikan terhadap keputusan PAS untuk bertanding di kerusi ini.

Keputusan PAS untuk bertanding tiga kerusi pada pilihan raya ini secara teknikalnya memudahkan parti itu mengenalpasti calon boleh menang (*winnable candidate*) untuk parti itu, namun tindakan yang berlaku adalah sebaliknya. Individu yang dicalonkan oleh PAS di kerusi Kampong Kembangan, Geylang Serai dan Singlap ini bukan terdiri dari calon boleh menang atau kepimpinan tertinggi parti itu. Malah individu yang dicalonkan oleh PAS itu adalah muka baharu terhadap politik Singapura.³⁵ Sehubungan itu, calon muka baharu ini memerlukan parti untuk melakukan kerja secara berterusan dengan berat bagi memperkenalkan calon kepada pengundi.³⁶ Perkara ini menyebabkan PAS memerlukan masa yang lama bagi memperkenalkan calon kepada pengundi.

Selain itu, calon muka baharu ini turut memberi kesan terhadap prestasi parti kerana pengundi tidak mengenali calon dengan lebih dekat. Berdasarkan kepada perkara itu, PAS secara asasnya berhadapan tugas getir bagi mempertahankan strategi muka calon baharu oleh parti itu. Antaranya adalah membuang persepsi bahawa individu yang dicalonkan oleh PAS ini bukan 'calon tangkap muat' dan sekadar melengkapkan proses demokrasi semata-mata di negara ini.³⁷ Berdasarkan kepada tindakan PAS yang tidak meletakkan individu popular untuk bertanding atas tiket parti itu ini telah memberi kesan terhadap kelangsungan dan prestasi pada kerusi yang ditandingi oleh parti tersebut pada PRU 1959 ini.

Tempoh kempen ini merupakan waktu yang kritikal terhadap parti yang bertanding kerana isu yang dijadikan sebagai keutamaan semasa kempen ini akan mempengaruhi keputusan parti yang bertanding pada pilihan raya (Naim Fakhirin etc., 2024). Justeru itu, kempen yang dilakukan oleh parti yang bertanding ini akan menjadi penentu terhadap keputusan yang dicapai pada PRU 1959 ini. Berdasarkan kepada perkara ini, PAS berusaha mendapatkan sokongan oleh masyarakat Melayu singapura melalui isu yang dijadikan sebagai kempen. Antara isu yang dijadikan kempen oleh PAS di Singapura adalah menyatukan pentadbiran Singapura dan Tanah Melayu serta diskriminasi pentadbiran British di Singapura terhadap masyarakat Melayu dan Islam di negara ini.³⁸

Tempoh kempen PAS pada pilihan raya di Singapura ini memperlihatkan parti tersebut membawa isu menyatukan Singapura dan Tanah Melayu sebagai sebuah pentadbiran. Penyatuan antara Singapura dan Tanah Melayu ini bukan isu baharu terhadap politik negara itu kerana pada PRU 1955 sebelum ini, isu ini menjadi keutamaan dan dijadikan modal politik oleh kesemua parti yang bertanding di negara ini.³⁹ Begitu juga di Tanah Melayu, PRU 1955 ini memperlihatkan isu ini dijadikan kempen oleh UMNO. Isu ini teruskan semula pada PRU 1959 dan memperlihatkan hampir kesemua parti yang bertanding di Singapura menjadikan isu penyatuan pentadbiran ini sebagai modal politik. PAP misalnya menyatakan penyatuan Singapura dan Tanah Melayu perlu dipercepatkan kerana penjagaan sosioekonomi masyarakat dapat dipertingkatkan dengan segera. Manakala SPA dan UMNO pula menyatakan penyatuan Singapura dan Tanah Melayu adalah langkah yang tepat bagi mempertingkatkan keselamatan negara dari ancaman komunis.⁴⁰

Walaupun begitu, penyatuan Singapura dan Tanah Melayu yang diusulkan oleh PAS ini dilihat berbeza berbanding parti lain. PAS menyatakan penyatuan Singapura dan Tanah Melayu ini perlu dilihat dalam kerangka yang luas, terutamanya dalam konteks agama Islam.⁴¹ Perkara ini penting kerana ia bukan sahaja bertindak sebagai agen untuk penyatuan ummah antara masyarakat Islam di Singapura dan Tanah Melayu, tetapi meliputi asas kepada negara baharu yang akan ditubuhkan.⁴² Sehubungan itu, PAS menyatakan Singapura dan Tanah

Melayu ini perlu berada dibawah entiti yang sama demi kemaslahatan Islam untuk masyarakat kedua-dua negara ini. PAS turut beranggapan penyatuan Singapura dan Tanah Melayu ini akan menjamin kestabilan Islam di kedua-dua negara ini.⁴³ Justeru itu, isu ini dijadikan sebagai kempen utama oleh calon PAS semasa PRU 1959.

Di samping itu, isu yang menjadi keutamaan PAS semasa tempoh kempen pilihan raya di Singapura adalah hak untuk masyarakat Melayu terlibat dalam pentadbiran British di Singapura. PAS menyatakan sepanjang tempoh British mentadbir Singapura, masyarakat Melayu solah-olah terpinggir dengan dasar penjajah ini. Calon untuk kerusi Siglap, A. Wanjor menyatakan British memberi keutamaan terhadap masyarakat Cina untuk terlibat dalam pentadbiran dan ekonomi.⁴⁴ Berdasarkan kepada kenyataan calon PAS ini, penglibatan masyarakat Melayu dalam pentadbiran British di Singapura adalah antara yang terendah berbanding masyarakat Cina di negara ini. Misalnya masyarakat Cina yang bertugas sebagai kerani dalam jabatan kerajaan adalah seramai 17 orang berbanding masyarakat Melayu seramai sembilang orang pada 1958.⁴⁵ Justeru itu, PAS menyatakan tindakan yang berlaku ini adalah bukti British lebih memberi keutamaan terhadap masyarakat Cina di negara ini.

Selain itu, PAS turut mendakwa British mengamalkan prinsip pluralisme agama dalam pentadbiran mereka di Singapura. Pluralisme adalah meletakkan kedudukan semua agama lain sebagai taraf yang sama.⁴⁶ Berdasarkan kepada perkara ini, calon PAS, Wanjor menyatakan British tidak mengumutakan pegangan agama dalam pentadbiran mereka, sebaliknya lebih memberi tumpuan terhadap perniagaan dan perdagangan.⁴⁷ Kenyataan ini mendapat respons dari pegawai British di Singapura. Lionel Leach, Ketua Suruhanjaya Kes Rusuhan Kaum, menafikan British meminggirkan agama Islam di Singapura. Sebaliknya menyatakan keutamaan yang diberikan terhadap agama akan menyebabkan berlakunya perselisihan faham dalam kalangan masyarakat kerana pegangan agama yang terlalu kuat akan menyebabkan berlakunya budaya taksuf oleh penganut. Seterusnya taksuf ini menyebabkan berlakunya peperangan dan akhirnya membawa kesan buruk terhadap ekonomi Singapura itu sendiri.⁴⁸

Prestasi PAS pada Pilihan Raya Umum 1959 di Singapura

Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 1959 yang diumumkan oleh ELD memperlihatkan kejayaan besar PAP apabila parti tersebut memenangi 43 daripada 51 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan mutlak ini membolehkan PAP menubuhkan kerajaan secara bersendirian tanpa keperluan membentuk pakatan politik dengan mana-mana parti lain. Perkara tersebut merupakan satu pencapaian yang belum pernah berlaku dalam sejarah politik Singapura. Dengan kemenangan tersebut, Lee Kuan Yew dinamakan sebagai Perdana Menteri pertama Singapura, menandakan permulaan era baharu dalam pentadbiran negara itu.⁴⁹

Kemenangan besar PAP ini juga harus dilihat dalam konteks perbandingan dengan Pilihan Raya Umum 1955. Dalam PRU tersebut, Barisan Buruh (*Labour Front*) hanya memperoleh 10 daripada 25 kerusi yang dipertandingkan, menyebabkan mereka terpaksa membentuk kerajaan campuran bersama Parti Perikatan, yang terdiri daripada UMNO dan MCA untuk mengekalkan kestabilan politik.⁵⁰ Kebergantungan terhadap parti lain menunjukkan kedudukan politik yang lebih rapuh pada waktu itu, berbeza dengan dominasi mutlak PAP pada 1959.

Kemenangan PAP pada PRU 1959 bukan sahaja mencerminkan kekuatan organisasi dan strategi politik parti tersebut, malah menandakan keyakinan rakyat terhadap visi dan

manifesto yang ditawarkan. Kemenangan ini diraikan secara meluas oleh masyarakat Singapura, dan media tempatan memainkan peranan penting dalam membingkai kemenangan ini sebagai manifestasi jelas sokongan rakyat. Akhbar-akhbar utama seperti *The Straits Times* menampilkan kemenangan PAP di muka depan sebagai berita utama, dengan tajuk-tajuk yang menekankan kebangkitan sebuah kerajaan baharu yang dipilih secara demokratik oleh rakyat.

Rajah 1: Muka Hadapan Akbar *The Sunday Times*



Sumber: *The Sunday Times*, 31 Mei 1959.

Rajah 1 memperlihatkan muka hadapan akhbar *The Sunday Times* yang mengetengahkan laporan utama berkenaan kemenangan besar PAP dalam PRU 1959. Paparan ini bukan sahaja mencerminkan sorotan media terhadap kejayaan PAP, malah menjadi bukti bagaimana media arus perdana pada ketika itu memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi awam terhadap perubahan politik yang sedang berlaku. Kemenangan PAP diangkat sebagai lambang kejayaan rakyat Singapura dalam memilih sebuah kerajaan baharu yang lebih progresif, bebas daripada pengaruh kolonial. Lebih daripada sekadar laporan berita, muka depan akhbar tersebut mencerminkan semangat dan harapan baharu rakyat Singapura susulan transisi kuasa kepada pemimpin tempatan. Dalam konteks sejarah politik moden negara itu, kemenangan PAP pada tahun 1959 menjadi titik perubahan penting apabila sebuah parti tempatan berjaya memperoleh mandat penuh tanpa memerlukan gabungan politik. Sorotan media seperti dalam Rajah 1 memperkukuh naratif ini sebagai detik bersejarah ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Selain itu, perkara lain yang menjadi tumpuan semasa keputusan PRU ini diumumkan adalah prestasi parti dari Tanah Melayu yang mengambil bahagian untuk bertanding di Singapura. Sebanyak tiga parti dari Tanah Melayu yang mengambil bahagian untuk bertanding di Singapura iaitu UMNO, MCA dan PAS. Manakala untuk persaingan di kerusi Melayu pula, hanya melibatkan UMNO dan PAS yang mengambil bahagian.⁵¹ Keputusan PRU 1959 memperlihatkan seperti yang telah dijangka iaitu UMNO akan menang sekurang-kurangnya satu kerusi. Oleh itu pada PRU 1959 ini, UMNO berjaya menang tiga kerusi iaitu Changi, Geylang Serai dan Kampong Kembangan. Manakala MCA gagal memenangi sebarang kerusi. Begitu juga dengan PAS, parti ini tewas untuk semua kerusi yang ditandingi pada kemunculan sulung terhadap politik Singapura.⁵²

Sungguhpun PAS gagal memenangi sebarang kerusi pada persaingan PRU 1959 ini, namun parti itu berjaya memberi saingan sengit terhadap parti menjadi pesaingnya. Perkara ini dapat dilihat di kerusi Kampong Kembangan. Keputusan PRU 1959 memperlihatkan berlakunya persaingan enam penjuror di kerusi ini iaitu melibatkan UMNO, PAP, *Singapore Peoples Alliance* (SPA), PAS, Parti Rakyat dan Kesatuan Melayu. Persaingan di kerusi ini menjadikan kerusi ini mendapat persaingan paling banyak melibatkan parti di Singapura pada PRU 1959.⁵³

Keputusan PRU 1959 untuk kerusi Kampong Kembangan ini memperlihatkan UMNO memenangi kerusi ini dengan majoriti tipis iaitu 244 undi. Calon UMNO, Mohd Ali Alwi memperoleh 4,443 undi. Manakala pesaing terdekatnya dari PAP iaitu Othman Wok memperoleh 4,199 undi. Calon SPA, Mohd Haji Yacob memperoleh 2,028 undi. Calon pertama PAS di Singapura, H. M. Yahya hanya memperoleh 317 undi. Calon dari Kesatuan Melayu, A. Latiff Ibrahim memperoleh 231 undi dan calon dari Parti Rakyat, Jaffar Abdul Ghani memperoleh 215 undi.⁵⁴ Keputusan ini sekali gus memperlihatkan persaingan di kerusi Kampong Kembangan ini lebih tertumpu terhadap UMNO dan PAP berbanding parti lain yang mengambil bahagian untuk bertanding.

Sungguhpun begitu, prestasi PAS dalam pilihan raya tersebut tidaklah seteruk yang dijangkakan. Walaupun PAS merupakan parti dari Tanah Melayu dan PRU 1959 merupakan kali pertama parti tersebut tampil secara rasmi dalam arena politik Singapura, jumlah undi yang diperoleh PAS di kerusi yang ditandingi adalah lebih tinggi berbanding beberapa parti tempatan lain seperti Kesatuan Melayu dan Parti Rakyat.⁵⁵ Keputusan tersebut menunjukkan bahawa PAS berjaya memberikan saingan yang signifikan meskipun masih baharu di pentas politik Singapura. Sehubungan itu, Yang Dipertua Agung PAS ketika itu menyatakan bahawa secara rasmi, parti tersebut sememangnya mengalami kekalahan dari segi keputusan pilihan raya. Namun begitu, dari sudut strategi dan pencapaian moral, PAS dianggap menang kerana berjaya membina asas sokongan dan menzahirkan kehadirannya sebagai parti politik Islam yang serius dan tersusun di luar Tanah Melayu.⁵⁶ Pencapaian ini menandakan permulaan penting dalam usaha PAS untuk mengembangkan pengaruhnya di peringkat serantau.

Jumlah undi ini secara tidak langsung memperlihatkan PAS telah mempunyai kekuatan sokongan akar umbi di negara ini. Sumbangan undi terhadap PAS pada pilihan raya ini bukan bergantung kepada pengundi Melayu semata-mata, tetapi turut melibatkan masyarakat Islam tempatan iaitu dari India Muslim. Mereka menjadi penyokong tegar terhadap perjuangan PAS kerana pendekatan yang dilakukan oleh parti adalah secara sederhana. Selain itu, komuniti India-Muslim di Singapura ini seringkali dipinggirkan dalam politik negara ini.⁵⁷ Oleh itu kesanggupan PAS menerima masyarakat India Muslim sebagai anggota parti itu secara tidak langsung menyebabkan komuniti ini menyokong PAS pada PRU 1959 ini. Justeru itu, sokongan India Muslim terhadap PAS membolehkan parti itu mendapat undi yang lebih tinggi berbanding Kesatuan Melayu dan Parti Rakyat yang hanya memberi fokus terhadap sokongan masyarakat Melayu semata-mata.

Walaupun begitu, sokongan terhadap PAS turut dilihat disumbangkan oleh pengundi Melayu. Namun begitu, persaingan sengit antara UMNO dan PAP pada pilihan raya ini menyebabkan PAS hanya menjadi parti pilihan ketiga, malahan undi yang diperoleh adalah rendah berbanding kedua-dua parti itu. Sokongan terhadap PAS hanya disumbangkan oleh komuniti Melayu yang menjadi pengasas kepada penubuhan PAS di Singapura.⁵⁸ Oleh itu

berdasarkan kepada jumlah undi mengikut saluran, PAS memperoleh jumlah undi yang tinggi dari kawasan Kampung Ubi di kerusi Kampong Kembangan, iaitu kawasan yang menjadi pengkalan politik awal PAS di Singapura.⁵⁹ Kawasan ini juga menempatkan ibu pejabat PAS di Singapura. Oleh itu sokongan dari masyarakat Melayu terhadap PAS di kerusi Kampong Kembangan adalah berasaskan dari kawasan ini.

Prestasi PAS pada pilihan raya ini memperlihatkan perjuangan politik parti itu dalam kalangan bangsa Melayu di Singapura tenggelam disebabkan oleh persaingan yang berlaku antara UMNO dan PAP di kerusi yang ditandingi oleh parti itu. Persaingan sengit yang berlaku antara UMNO dan PAP ini menyebabkan PAS tersepit dicelah-celah persaingan itu, sekali gus menenggelamkan perjuangan yang dilakukan oleh PAS. Walaupun gagal memenangi kerusi ini, namun prestasi PAS boleh dibanggakan kerana masih berupaya untuk memberi saingan dan berjaya meletakkan kedudukan parti itu lebih tinggi berbanding parti Melayu tempatan yang lain seperti Kesatuan Melayu dan Parti Rakyat.

Faktor Kegagalan Persaingan PAS di Singapura

Persaingan sengit yang berlaku terhadap politik Melayu dan Islam di Singapura ini memperlihatkan PAS gagal meletakkan kedudukan parti itu pada tahap sepatutnya di Singapura. Kemunculan parti tempatan dan parti Tanah Melayu yang gah dari aspek politik dan sokongan yang diperoleh seperti UMNO, PAP dan SPA ini secara tidak langsung menyebabkan PAS gagal untuk memberi persaingan terhadap ketiga-tiga parti elit itu. Kegagalan untuk bersaing terhadap politik Singapura pada PRU 1959 ini melibatkan antara beberapa faktor seperti tiada calon berpengaruh, perjuangan tertumpu kepada Tanah Melayu, gagal menembusi politik naungan Singapura dan perspektif negatif dari pengundi Cina serta India terhadap PAS.

Kegagalan PAS untuk bersaing pada PRU 1959 ini turut dilihat berdasarkan kepada strategi parti yang tidak meletakkan calon yang berpengaruh untuk bertanding atas tiket parti itu. Pada pilihan raya ini, PAS hanya meletakkan calon yang 'biasa-biasa' sahaja untuk bertanding atas tiket parti ini. PAS sepatutnya perlu meletakkan calon nama besar dan calon boleh menang (*winnable candidate*) pada pilihan raya ini supaya dapat memberi impak yang tinggi terhadap pengundi. Malahan, persaingan yang dihadapi oleh PAS di kerusi Kampong Kembangan ini turut melibatkan nama besar dari pesaing politiknya. Misalnya UMNO mencalon Mohd Ali Alwi, iaitu seorang aktivis masyarakat di sekitar daerah Aljunied. Beliau banyak terlibat dalam persatuan masyarakat Melayu seperti Persatuan Komuniti Kampung Ubi. Justeru itu, kedudukan beliau dihormati dan disegani oleh masyarakat Melayu di Singapura.⁶⁰ Begitu juga dengan calon PAP iaitu Othman Wok. Beliau merupakan wartawan Utusan Melayu dan terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura kerana kerap membuat liputan.


Perkara ini memperlihatkan kedua-dua parti yang menjadi pesaing PAS ini meletakkan nama besar untuk bertanding di kerusi Kampong Kembangan sebagai strategi parti tersebut. Namun begitu, tindakan PAS yang tidak meletakkan nama besar untuk parti itu menyebabkan parti itu gagal memberi saingan sengit, sekali gus tewas pada PRU tersebut.⁶¹ Kegagalan meletakkan calon boleh menang ini menyebabkan pengundi Melayu melihat PAS hanya parti sekadar melengkapi persaingan di Singapura. Berdasarkan kepada perkara itu, PAS gagal untuk memberi saingan sengit terhadap politik Singapura pada PRU 1959.

Di samping itu, kegagalan PAS bagi memberi saingan sengit terhadap politik Singapura ini turut dilihat berdasarkan kepada kegagalan parti itu untuk pecahkan tradisi politik naungan di negara ini. Politik naungan merupakan strategi yang sering direncanakan oleh individu atau parti politik yang terlibat secara langsung bagi keberadaan politik mereka.⁶² Justeru itu, politik naungan di Singapura ini telah dipraktikkan oleh PAP dan berjaya menanam doktrin terhadap rakyat di Singapura bahawa 'politik Singapura adalah politik PAP'. Berdasarkan kepada perkara tersebut, PAS gagal untuk memecahkan dominasi politik naungan oleh PAP di Singapura. Pengaruh PAP di negara ini bukan sahaja melibatkan masyarakat Cina, tetapi turut melibatkan masyarakat Melayu. Justeru itu, politik masyarakat Melayu oleh PAP ini diketuai oleh Othman Wok yang juga merupakan antara pengasas dan calon PAP di kerusi Kampong Kembangan, kerusi yang turut melibatkan persaingan dengan PAS. Dalam usaha memecahkan politik naungan oleh PAP ini, PAS memerlukan UMNO sebagai rakan atau gabungan bersama. Namun UMNO tidak bersetuju untuk bekerjasama dengan PAS di Singapura atas faktor persaingan politik di Tanah Melayu.⁶³ Oleh itu strategi politik naungan PAP terhadap masyarakat Melayu masih kekal utuh di Singapura walaupun UMNO berjaya menang kerusi Kampong Kembangan hanya dengan majoti 228 undi.⁶⁴ Kegagalan UMNO dan PAS memecahkan tradisi politik naungan PAP ini menyebabkan PAP berjaya mengambil semula kerusi ini pada PRU seterusnya. Oleh itu PAP mengatakan kemenangan yang diperoleh UMNO pada PRU 1959 ini adalah kemenangan bersifat sementara.

Selain itu, dasar perjuangan PAS turut menjadi faktor kegagalan parti itu memberi saingan sengit terhadap politik Singapura. Perkara ini disebabkan oleh perjuangan PAS di Singapura terlalu keras dan tindakan ini menyebabkan berlakunya perspektif negatif dalam kalangan pengundi Cina dan India terhadap parti itu. Misalnya isu mengenai penubuhan negara Islam dan perlaksanaan undang-undang Islam yang diutarakan oleh calon PAS kerusi Geylang Serai, Syed Ahmad Dahlan semasa kempen menimbulkan ketakutan kepada pengundi Cina dan India di Singapura.⁶⁵ Perkara ini menyebabkan pengundi Cina dan India melihat perjuangan PAS hanya untuk agama Islam semata-mata. Selain itu, pengundi Cina dan India turut melihat PAS sebagai sebuah parti yang membawa ajaran agama. Mereka berasa terancam dan mempunyai tanggapan sekiranya mengundi PAS, mereka perlu menukar agama.⁶⁶

Perspektif ini secara tidak langsung menyebabkan pengundi Cina dan India tidak memberi sokongan terhadap PAS. Justeru itu, kelangsungan politik PAS di Singapura hanya bergantung kepada pengundi Melayu semata-mata. Berbanding UMNO dan PAP, kedua-dua parti ini bukan sahaja disokong oleh masyarakat Melayu, malah turut disokong oleh masyarakat Cina dan India sebagai penyumbang undi terhadap parti.⁶⁷ Oleh itu pada PRU 1959, masing-masing UMNO dan PAP memperoleh jumlah undi melebihi 35 peratus untuk kerusi Kampong Kembangan iaitu melebihi 4,000 undi. Persepsi negatif pengundi Cina dan India terhadap PAS ini secara tidak langsung telah mengagalkan PAS untuk bersaing dalam politik Singapura.

Rajah 2: Peratus Undi Kerusi Kampong Kembangan, PRU 1959, Singapura



Sumber: Reports of Legislative Election, Singapore Election Department, 1959.

Rajah 2 memperincikan peratusan undi bagi kerusi Kampong Kembangan dalam PRU 1959. Berdasarkan rajah tersebut, UMNO muncul sebagai parti yang memperoleh undi tertinggi dengan menguasai 39 peratus, diikuti oleh PAP dengan 36 peratus. Parti Perikatan Rakyat Singapura (SPA) pula mencatat 18 peratus undi, manakala PAS hanya memperoleh tiga peratus. Parti Rakyat dan Kesatuan Melayu masing-masing sekadar mendapat dua peratus undi.⁶⁸ Daripada pecahan ini, jelas bahawa hanya UMNO dan PAP berjaya meraih sokongan rentas kaum, termasuk pengundi Melayu, Cina dan India. Sebaliknya, SPA didapati mendapat sokongan yang hampir sepenuhnya daripada komuniti Cina sahaja. PAS pula memperlihatkan prestasi yang lebih terhad, dengan sokongan yang tertumpu dalam kalangan pengundi Melayu di kawasan tertentu sahaja.

Menarik untuk diperhatikan bahawa antara faktor yang membezakan PAS daripada Parti Rakyat dan Kesatuan Melayu ialah keupayaannya menarik sejumlah kecil sokongan daripada komuniti India Muslim, satu bentuk sokongan yang tidak diperoleh oleh kedua-dua parti tersebut. Walaupun jumlah undi daripada komuniti ini tidak signifikan secara keseluruhan, ia tetap mencerminkan kemampuan PAS untuk menembusi segmen minoriti tertentu dalam masyarakat Islam bukan Melayu di Singapura. Sokongan ini juga menunjukkan bahawa mesej perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS mampu merentas batas etnik dalam kalangan umat Islam, khususnya dalam kalangan India Muslim yang secara tradisinya mempunyai hubungan rapat dengan institusi masjid, pendidikan Islam, dan jaringan perdagangan. Sokongan ini, walaupun terbatas, memberi petunjuk awal bahawa PAS mempunyai potensi untuk memperluas pengaruhnya di luar kerangka nasionalisme Melayu semata-mata, sekiranya strategi politik dan retorik yang lebih inklusif digunakan dalam konteks masyarakat majmuk seperti Singapura.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, pencapaian PAS masih dianggap lemah dari segi meraih undi bukan Melayu. Kegagalan untuk menarik sokongan daripada pengundi

Cina dan India menzahirkan persepsi negatif terhadap PAS sebagai parti yang masih dilihat bersifat eksklusif dan berteraskan etnik dan agama tertentu. Hal ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa cabaran utama PAS dalam konteks politik Singapura ialah membina kepercayaan merentas kaum dalam sebuah masyarakat majmuk yang menuntut pendekatan inklusif dan pragmatik.

Selain itu, faktor kegagalan dalam persaingan politik di Singapura ini turut mempunyai perkaitan dengan perjuangan PAS yang terlalu memberi penekanan terhadap aspek politik Tanah Melayu. Semasa tempoh kempen, PAS berusaha menonjolkan politik Singapura adalah politik serumpun dengan Tanah Melayu. Justeru itu, PAS mengatakan penggabungan di antara Singapura dan Tanah Melayu memberi lebih banyak kebaikan kepada masyarakat negara itu, terutamanya kepada masyarakat Islam di negara itu. Calon PAS di Geylang Serai, Syed Ahmad Dahlan menyatakan Islam di Tanah Melayu lebih terbelah berbanding Islam di Singapura. Melalui gabungan dengan Tanah Melayu, masyarakat Islam di Singapura akan terjamin dari aspek sosioekonomi.⁶⁹

Walaupun ucapan calon PAS, Syed Ahmad Dahlan ini disambut baik oleh pengundi Islam di kerusi tersebut, namun dalam masa yang sama mereka melihat isu yang diperjuangkan oleh PAS ini terlalu *bias* terhadap Tanah Melayu. Perkara ini tidak dapat diterima oleh segelintir pengundi Melayu di kerusi tersebut. Mereka menganggap PAS tidak membawa isu tempatan seperti yang ditonjolkan oleh UMNO dan PAP.⁷⁰ Kedua-dua parti ini berjaya meraih sokongan dari pengundi Melayu kerana berusaha untuk menonjolkan UMNO dan PAP mampu melakukan perubahan terhadap sosioekonomi masyarakat Melayu di kerusi itu.⁷¹ sehubungan itu, pas dikatakan membawa isu yang terlalu nasional berbanding tempatan, situasi ini secara tidak langsung menyebabkan perjuangan pas di Singapura tidak mendapat sambutan berbanding UMNO walaupun kedua-dua parti ini merupakan entiti politik dari Tanah Melayu.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, PAS gagal bersaing dalam politik Singapura pada PRU 1959. Kegagalan persaingan ini dapat dilihat berdasarkan kepada keputusan pilihan raya yang diperoleh PAS. Kegagalan PAS ini secara tidak langsung membuktikan perjuangan parti itu di Singapura tidak relevan kerana tidak disambut dengan baik oleh pengundi Melayu di Singapura. Sokongan terhadap PAS hanya tertumpu di sesetengah kawasan sahaja. Oleh itu PAS gagal menang kerusi di kawasan yang sama dan telah tepu di kawasan tersebut. Situasi ini membawa maksud kekuatan PAS telah mencapai ‘tahap maksimum’ dan tidak berupaya untuk meluaskan pengaruh di kawasan lain. Selain itu, parti politik dari Tanah Melayu ini mempunyai saingan yang hebat, terutamanya dari PAP. PRU 1959 memperlihatkan strategi PAP lebih kedepan berbanding politik lain yang bertanding di Singapura, iaitu mencalonkan bangsa Melayu untuk bertanding atas tiket parti itu. Tindakan PAP ini menyebabkan persaingan politik Melayu itu semakin sengit di Singapura. Persaingan antara PAP dan UMNO ini seterusnya menyebabkan PAS tidak dapat bersaing dan akhirnya tersungkur kerana strategi yang kurang relevan berbanding kedua-dua parti itu.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

Biodata

* Muhammad Naim Fakhirin Rezani (naim_fakhirin@yahoo.com) (corresponding author) adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Keusahawanan, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu.

Received: 30 Mac 2025

Reviewed: 4 Jun 2025

Accepted: 28 Jun 2025

Nota

¹ Muhammad Naim Fakhirin, Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959, *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 22, Issue 2 (2025).

² Ibid.

³ FCO 141/14994, Singapore: Legislative Assembly Elections, May 1959.

⁴ FCO 141/15298, Singapore: Reports of Political Intelligence.

⁵ Farish A. Noor. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Kuala Lumpur: SIRD, 2016, hlm. 34.

⁶ Hussin Mutalib, *Parties and Politics: A Study of Opposition Parties and the PAP in Singapore*, Singapore: Marshall Cavendish, 2004, hlm. 52.

⁷ S. Jayakumar, *A History of the People's Action Party, 1985-2021*, Singapore: NUS Press, 2022, hlm. 27.

⁸ T. Tschacher, *Race, Religion, and the 'Indian Muslim' Predicament in Singapore*, Singapore: Taylor & Francis, 2017, hlm. 112.

⁹ Walid J. Abdullah, *Islam in a Secular State: Muslim Activism in Singapore*, Amsterdam: Amsterdam University Press, 2021, hlm. 52.

¹⁰ Farish A. Noor. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Kuala Lumpur: SIRD, 2016, hlm. 39.

¹¹ Wan Saiful Wan Jan, *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*, Singapore: ISEAS, 2021, hlm. 17.

¹² FCO 141/1465, Singapore: Political Trends in Singapore.

¹³ Ibid.

¹⁴ CO 537/3753, Malaya: Political Intelligence Journals.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ CO 537/3748, Malaya: Political Developments; Indonesian influence in the Malay Peninsula.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ CO 1030/441, Political Development in Malaya after Independence.

¹⁹ Ibid.

²⁰ FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore.

²¹ Ibid.

²² Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain, Fatimi Hanafi, Reaksi British Terhadap Pertikaian Konsul Amerika Syarikat dan Johor, 1870-1905, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 47 (3), Disember 2020, hlm. 87-114.

²³ T. Shiraishi, *Across the Causeway A Multi-dimensional Study of Malaysia-Singapore Relations*, Singapore: ISEAS Publishing, 2009, hlm. 29.

²⁴ FCO 141/14766, Singapore: Special political assessments.

²⁵ Ibid.

²⁶ FCO 141/15107, Singapore: Malay Education Reports.

²⁷ Ibid.

- ²⁸ Reports of Legislative Election, 1959, Election Department, Singapore.
- ²⁹ Ibid.
- ³⁰ *Utusan Melayu*, 14 April 1959.
- ³¹ FCO 141/14854, Singapore: Legislative Assembly; Composition and Elections.
- ³² Muhammad Naim Fakhirin, Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor, Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol 52 (1), Mac 2025, hlm.114-134.
- ³³ Reports of Legislative Election. 1959. Singapore Election Department.
- ³⁴ *Utusan Melayu*, 17 April 1959.
- ³⁵ *The Straits Times*, 27 April 1959.
- ³⁶ Muhammad Naim Fakhirin, Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 22, Issue 2, 2025.
- ³⁷ *The Straits Times*, 27 April 1959.
- ³⁸ Ibid.
- ³⁹ Hussin Mutalib, *Parties and Politics: A Study of Opposition Parties and the PAP in Singapore*, Singapore: Marshall Cavendish, 2004, hlm. 41.
- ⁴⁰ FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore, 1959.
- ⁴¹ *Utusan Melayu*, 23 April 1959.
- ⁴² *Utusan Melayu*, 25 April 1959.
- ⁴³ Ibid.
- ⁴⁴ *The Straits Times*, 26 April 1959.
- ⁴⁵ Reports of Legislative Election, 1959, Election Department, Singapore.
- ⁴⁶ Abdullah, W. J., *Islam in a Secular State: Muslim Activism in Singapore*, Amsterdam: Amsterdam University Press, 2021.
- ⁴⁷ *Utusan Melayu*, 18 April 1959.
- ⁴⁸ *The Straits Times*, 27 April 1959.
- ⁴⁹ Reports of Legislative Election, 1959, Election Department, Singapore.
- ⁵⁰ Reports of Legislative Election, 1955, Election Department, Singapore.
- ⁵¹ Reports of Legislative Election, 1959, Election Department, Singapore.
- ⁵² Ibid.
- ⁵³ Ibid.
- ⁵⁴ Reports of Legislative Election, 1959, Kampong Kembangan Constituency, Election Department, Singapore.
- ⁵⁵ Ibid.
- ⁵⁶ *Berita Harian*, 3 Jun 1959.
- ⁵⁷ *Utusan Melayu*, 3 Jun 1959.
- ⁵⁸ *Berita Harian*, 3 Jun 1959.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ *Berita Harian*, 5 Jun 1959.
- ⁶¹ Wan Saiful Wan Jan, *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*, Singapore: ISEAS, 2021, hlm. 19.
- ⁶² Muhammad Naim Fakhirin, Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959, *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 22, Issue 2 (2025).
- ⁶³ Abdullah Ahmad, *Conversations with Tunku Abdul Rahman*, Singapore: Marshall Cavendish, 2016, hlm. 31.
- ⁶⁴ Reports of Legislative Election, 1959. Singapore Election Department.
- ⁶⁵ Hong Liu, Sin Kiong Wong, *Singapore Chinese Society in Transition Business, Politics, & Socio-economic Change, 1945-1965*, Singapore: Peter Lang Publishing, 2004, hlm. 43.
- ⁶⁶ Ibid.
- ⁶⁷ S. Jayakumar, *A History of the People's Action Party, 1985-2021*, Singapore: NUS Press, 2022, hlm. 51.
- ⁶⁸ Reports of Legislative Election, 1959, Election Department, Singapore.
- ⁶⁹ FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore.
- ⁷⁰ *Utusan Melayu*, 18 April 1959
- ⁷¹ FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore.

Rujukan

Abdullah Ahmad, *Conversations with Tunku Abdul Rahman*, Singapore: Marshall Cavendish, 2016.

Abdullah, W. J., *Islam in a Secular State: Muslim Activism in Singapore*, Amsterdam: Amsterdam University Press, 2021.

Berita Harian, 3 Jun 1959.

Berita Harian, 5 Jun 1959.

CO 537/3748, Malaya: political developments; Indonesian influence in the Malay Peninsula, 1948.

CO 537/3753, Malaya: Political Intelligence Journals, 1948.

CO 1030/441, Political development in Malaya after Independence, 1958.

Farish A. Noor, *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*, Kuala Lumpur: SIRD, 2016.

FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore, 1959.

FCO 141/14766, Singapore: Special political assessments, 1959.

FCO 141/14854, Singapore: Legislative Assembly; Composition and Elections, 1957.

FCO 141/14994, Singapore: Legislative Assembly Elections, May 1959.

FCO 141/15107, Singapore: Malay Education Reports, 1959.

FCO 141/15135, Singapore: Census 1957; Registration of the Population, 1959.

FCO 141/15298, Singapore: Reports of Political Intelligence, 1956.

Hong Liu, Sin Kiong Wong, *Singapore Chinese Society in Transition Business, Politics, & Socio-economic Change, 1945-1965*, Singapore: Peter Lang Publishing, 2004.

Hussin Mutalib, *Parties and Politics: A Study of Opposition Parties and the PAP in Singapore*, Singapore: Marshall Cavendish, 2004.

Jayakumar, S., *A History of the People's Action Party, 1985-2021*, Singapore: NUS Press, 2022.

Kamaludeen Mohamed Nasir, Alexius A. Pereira, Bryan S. Turner, *Muslims in Singapore: Piety, Politics and Policies*, Singapore: Taylor & Francis, 2009.

Muhammad Naim Fakhirin, *Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan*

Raya Umum ke-15, Johor, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 52 (1), Mac 2025, 114-134.

Muhammad Naim Fakhirin, Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959, *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 22, Issue 2, 2025.

Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain, Fatimi Hanafi, Isu dan Pola Kencenderungan Undi Wanita Dalam Konteks Persaingan Politik UMNO dan DAP di Johor, PRU 12 Hingga PRU 14, *Sejarah: Journal of History Department, Universiti Malaya*, Vol.33 (1) June 2024, 117-137.

Muhammad Naim Fakhirin, Zulkanain, Fatimi Hanafi, Reaksi British Terhadap Pertikaian Konsul Amerika Syarikat dan Johor, 1870-1905, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3), Disember 2020, 87-114.

Reports of Legislative Election, Singapore Election Department, 1955.

Reports of Legislative Election, Singapore Election Department, 1959.

Shiraishi, T., *Across the Causeway A Multi-dimensional Study of Malaysia-Singapore Relations*, Singapore: ISEAS Publishing, 2009.

The Straits Times, 27 April 1959.

Tschacher, T., *Race, Religion, and the 'Indian Muslim' Predicament in Singapore*, Singapore: Taylor & Francis, 2017.

Utusan Melayu, 14 April 1959.

Utusan Melayu, 17 April 1959.

Utusan Melayu, 18 April 1959.

Utusan Melayu, 23 April 1959.

Utusan Melayu, 25 April 1959.

Wah, Y. K., *Political Development in Singapore, 1945-1955*. Singapore: NUS Press, 1973.

Wan Saiful Wan , *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*, Singapore: ISEAS, 2021.